Hua Yang peruntuk RM100j beli tanah

ua Yang Bhd, pemaju hartanah tempatan bercadang memperuntukkan sehingga RM100 juta perbelanjaan modalnya untuk membeli tanah baru pada tahun kewangan seterusnya berakhir 31 Mac 2013.

Ketua Eksekutifnya, Ho Wen Yan, berkata secara keseluruhannya syarikat memiliki 318.5 hektar tanah bernilai RM2.4 bilion dengan keluasan terbesar di Perak diikuti Johor, Negeri Sembilan dan Selangor.

Katanya, peruntukan RM100 juta itu akan diraih menerusi pelbagai sumber dan dana termasuk dana dalaman syarikat dan pasaran awam.

"Bagi bahagian timur Malaysia kami sudah berbincang dengan pemilik tanah, namun belum dimuktamadkan, begitu juga di Pulau Pinang kerana pemilik mahu menunggu harga lebih tinggi tahun ini.

"Kami perlu memberi tempoh kepada pasaran, namun kami yakin ia akan berlaku pada tahun kewangan 2013," katanya selepas majlis makan



Bagi bahagian timur Malaysia kami sudah berbincang dengan pemilik tanah, namun belum dimuktamadkan

> Ho Wen Yan Ketua Eksekutif Hua Yang

tengah hari bersama media di Kuala Lumpur, semalam.

Wen Yan berkata, sebagai langkah pertama untuk meneroka pasaran timur Malaysia, syarikat meninjau untuk membeli 40.5 hektar tanah hingga 121.4 hektar di Kota Kinabalu bagi membina projek perbandaran mampu milik.

Sementara itu, beliau berkata, dividen syarikat bagi tahun ini dijangka lebih baik berdasarkan prestasi yang diperoleh bagi tahun kewangannya tahun ini.

"Walaupun kami tiada sebarang polisi dividen, setiap tahun kami cuba tetapkan 25 peratus daripada keuntungan bersih syarikat untuk pemegang saham," katanya.



Berita Harian 10 February 2012